



Headline: Perunding bius hospital ditipu 'Sarjan Azlan'

Publication/Portal: Sinar Harian

Date: 15 April 2020

Language: Malay

Section: Nasional

Page: 21

Perunding bius hospital ditipu 'Sarjan Azlan'

Wang simpanan RM63,465 lesap selepas beri maklumat di laman web palsu

Oleh NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN

Seorang perunding bius sebuah hospital di sini kerugian RM63,465 selepas terpedaya dengan sindiket yang menyamar sebagai pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) Ahad lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendant Mohd Wazir Mohd Yusof berkata, mangsa berusia 60 tahun menerima panggilan daripada seorang lelaki

mendakwa sebagai Pegawai Pengurusan Siasatan Khas SPRM Putrajaya ketika berada di rumahnya jam 2 petang.

Menurutnya, suspek memberitahu mangsa akan ditahan polis kerana tidak membayar cukai pendapatan atas sebuah syarikat yang diwujudkan menggunakan nama mangsa pada 16 Mei 2017 di Perak.

"Mangsa menafikan perkara itu dan suspek memaklumkan kemungkinan ada individu lain yang menggunakan maklumat mangsa untuk menubuhkan syarikat tanpa pengetahuannya.

"Selepas itu, suspek menawarkan untuk menyelesaikan masalah ini secara dalam talian dengan menyambungkan panggilan itu ke Ibu



MOHD WAZIR

Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Perak," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, mangsa bercakap dengan seorang lagi suspek yang menyamar sebagai Sarjan Azlan.

"Sarjan Azlan mendakwa masalah berkenaan boleh diselesaikan dengan meminta mangsa membuka laman web Bank Negara Malaysia yang mana pautan itu diberikan oleh suspek melalui WhatsApp (www.bank-negaramy.com).

"Mangsa mengikut dan memasukkan maklumat dua akaun banknya ke dalam laman web yang diberikan. Selepas itu, pengadu mendapati baki dalam dua akaun banknya berkurangan RM63,465," kata beliau.